

# AWA



## Penyelidik wanita UMP menang anugerah khas **WIPO Best Women Inventor** di ITEX 2010

Buat julung kalinya, penyelidik wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim diberi penghargaan menerusi anugerah khas iaitu *World Intellectual Property Organization (WIPO) Best Women Inventor* menerusi projek beliau yang bertajuk “*Sustainable Production of Sorbitol From Biomass Using Green Technology Approach*” di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX’ 10) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang berlangsung mulai 14 hingga 16 Mei 2010.

Malah, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) itu turut memenangi pingat emas menerusi produknya penyelidikannya itu yang menghasilkan gula ringkas (sorbitol) daripada habuk kayu.

Produk-produk lain yang meraih pingat emas adalah “*Development of Clean Renewable Fuel From Wastewater Towards A Sustainable Energy Source Using Green Technology Approach: HEC2*” hasil penyelidikan Dr. Zularisam Ab Wahid daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang menghasilkan minyak gas daripada air kumbahan dengan menggunakan tenaga solar.

Manakala produk penyelidikan oleh Norashikin Mat Zain dari FKKSA iaitu “*Novel Green, Economical and Environmentally Friendly Biodegradable Composite Films From Caladium*” juga meraih pingat emas.

Menerusi produknya itu, beliau menggunakan bahan alam semula jadi iaitu ubi keledek sebagai bahan memproses beg

plastik yang mudah terurai.

ITEX 2010 kali ini telah mencatatkan kemenangan 100 peratus bagi UMP selepas semua lapan produk penyelidikan yang dipertandingkan berjaya memenangi tiga pingat emas dan lima pingat perak.

Manakala pingat perak pula diterima menerusi Dr. Anwar Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang bertajuk “*Activated Sludge Biomass to Remove Pollutants From Wastewater*”, “*Peat Sampler With Built-In Extruder (PEATER)*” oleh Youventharan Duraisamy dari FKKSA, dan “*A Novel Process of Membrane Anaerobic System in Treating Palm Oil Mill Effluent*” oleh Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dari FKKSA.

Turut meraih pingat perak produk “*Pineapple Maturity Inspection Using Colour Identification*” oleh Rohana Abdul Karim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan “*Formulation of New Drag Reducing Agent Using Natural Mucilage Extracted From Hibiscus Rosa-sinensis Linn Leaves*” oleh Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dari FKKSA.

Pada pameran itu juga, ruang pameran UMP turut meraih tempat kedua dengan memenangi pingat perak bagi kategori “ruang pameran terbaik bagi keluasan 54 kaki persegi ke atas”.

Terdahulu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, Malaysia perlu fokus pada inovasi yang menyeluruh

bagi meningkatkan lagi ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Tambah beliau lagi, tiada penghujung dan had dalam inovasi. Inovasi membuka lebih banyak peluang bagi negara Malaysia.

“Negara kita bergantung kepada rakyatnya bagi menyumbang kepakaran dan idea yang berinovatif untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

“Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.889 bilion bagi pelaksanaan 4,300 projek untuk memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan teknologi dan inovasi.

“Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah memperuntukkan beberapa dana untuk membangunkan idea dan juga rekaan dan sehingga kini telah menerima sejumlah 10,375 permohonan,” katanya ketika berucap di majlis perasmian ITEX 2010 pada 14 Mei 2010 baru-baru ini.

Penganjuran ITEX 2010 pada kali ini menyaksikan lebih daripada 30 peratus penyertaan daripada 50 pertubuhan yang terdiri daripada institusi pengajian tinggi (IPT), institut penyelidikan, sektor korporat dan individu serta pemeran 673 rekaan di dalam 24 kategori.

Pada kali ini juga, ITEX 2010 turut disertai oleh penyelidik-penyelidik dari Rusia, Iran, Korea, Taiwan, Hong Kong, Thailand dan Vietnam.